

POTENSI MALAYSIA SEBAGAI HAB TAKAFUL

NABIL BASARUDDIN | 04 November 2015 12:10 AM



KUALA LUMPUR 3 Nov. - Malaysia sebagai negara ASEAN yang pesat membangun dilihat berpotensi untuk menjadi hab yang strategik bagi industri takaful.

Abdul Rauf Rashid

Rakan Perkongsian Pengurusan Ernst & Young Malaysia, Datuk Abdul Rauf Rashid berkata, sehingga kini Malaysia telah berjaya menguasai tiga daripada empat pasaran takaful di rantau ASEAN dan masih mengekalkan momentum untuk terus meneroka potensi tempatan serta global.

Jelas beliau, walaupun negara dilanda dengan pelbagai cabaran dan persekitaran ekonomi global yang tidak menentu, Malaysia terus menjadi pemain industri takaful yang cemerlang dan sentiasa ke hadapan.

Katanya, pemangkin utama yang menyebabkan negara ini mampu untuk menjadi hab global takaful didorong oleh infrastruktur dan kemudahan yang komprehensif, fleksibel dan memberi kelebihan kepada semua pihak yang terlibat.

“Jadi, sebagai industri yang sentiasa mengukuh, industri ini mempunyai skop yang luas dalam memperluaskan standard prestasinya dan meningkatkan pembangunan inovasi produk,” katanya. Beliau berkata demikian ketika berucap dalam sidang media Laporan Dinamik Takaful Malaysia yang diadakan sempena Forum Ekonomi Islam Sedunia (WIEF) di sini hari ini.

Turut hadir Pengerusi Persatuan Takaful Malaysia (MTA), Ahmad Rizlan Azman dan Rakan Perkongsiam EY Malaysia, Brandon Bruce Sta. Maria.

Tambah Abdul Rauf, bagi memperoleh industri takaful yang berkualiti, pelaksanaan operasi berkesan diperlukan bagi memenuhi kehendak pelanggan seperti penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh firma audit dan cukai itu berkenaan insurans global tahun lalu menyatakan Malaysia adalah destinasi yang strategik untuk pembangunan takaful dan insurans.

Malah, negara ini turut dikategorikan setaraf dengan China iaitu mempunyai pulangan peluang yang tinggi dan risiko yang sederhana.

Selain itu, prospek jangka panjang untuk industri tersebut juga dikatakan akan tumbuh secara sihat seiring bersama perkembangan perbankan dan kewangan Islam yang menawarkan pelbagai peluang.
- See more at: <http://www.utusan.com.my/bisnes/ekonomi/potensi-malaysia-sebagai-hab-takaful-1.154149#sthash.2IE6T3N.dpuf>